

SELANGOR
ENAKMEN No. 1 tahun 1991

BETA PERKENANKAN,

t.t.
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

11hb Mei 1991

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran suatu kumpulan wang amanah yang bernama "Tabung Warisan" dan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tabung Warisan 1991. Tajuk ringkas.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran. menghendaki makna yang lain—

"Kumpulan Wang" ertinya kumpulan wang amanah yang dipanggil "Tabung Warisan" yang ditubuhkan oleh ketetapan Dewan Undangan Negeri Selangor yang dibuat pada 17hb April 1989 di bawah seksyen 10 (4) (b), Akta *Akta 61. Prosidur Kewangan 1957*;

“Lembaga” ertiinya Lembaga Tabung Warisan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“sekuriti” termasuklah saham, kumpulan wang, syer, bon dan debentur dan lain-lain suratcara yang mewujudkan atau membuktikan suatu gadaian atau lien pada aset.

Lembaga
Tabung
Warisan.

3. (1) Maka adalah ditubuhkan suatu lembaga yang dikenali sebagai “Lembaga Tabung Warisan”.

(2) Maka adalah menjadi fungsi Lembaga untuk mentadbirkan Kumpulan Wang.

(3) Ahli-ahli Lembaga hendaklah terdiri daripada—

(a) seorang Pengerusi;

(b) Pegawai Kewangan Negeri, sebagai Timbalan Pengerusi;

(c) Penasihat Undang-Undang Negeri;

(d) Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, sebagai Setiausaha;

(e) Bendahari Negeri, sebagai Bendahari;

(f) Pengurus, Bank Negara Malaysia, Cawangan Shah Alam; dan

(g) dua orang yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan atau kewangan.

(4) Ahli-ahli Lembaga yang disebutkan di bawah subseksyen 3 (a) dan (g) hendaklah dilantik oleh Menteri Besar.

(5) Lembaga boleh, melalui suratcara bertulis, mewakilkan kepada mana-mana orang segala atau mana-mana fungsinya di bawah Enakmen ini.

(6) Lembaga bolehlah membayar setiap ahli Lembaga apa-apa elaun, termasuklah elaun perjalanan dan elaun sara hidup, mengikut kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Besar dari semasa ke semasa.

(7) Tertakluk kepada Enakmen ini, Lembaga boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia prosidingnya.

(8) Semua ahli-ahli Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan. *N.M.B.*
Bab 45.

4. (1) Wang yang berikut hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang— *Wang yang dikehendaki dibayar ke dalam Kumpulan Wang.*

- (a) wang yang dari semasa ke semasa diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kepada dan bagi maksud-maksud Kumpulan Wang;
- (b) segala wang yang merupakan hasil daripada apa-apa pelaburan Kumpulan Wang yang dibuat oleh Lembaga;
- (c) apa-apa sumbangan yang dibuat oleh mana-mana Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Badan-Badan Berkanun, atau lain-lain pihak berkuasa berkanun; dan
- (d) segala pemberian, dermawan, endowmen, alang, bekues dan lain-lain sumbangan oleh mana-mana institusi, syarikat atau individu kepada Kumpulan Wang.

5. Selepas tahun 1995 Lembaga boleh dari semasa ke semasa memindahkan apa-apa amaun dari Kumpulan Wang sebagaimana ia fikirkan wajar ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. *Kumpulan Wang Pembangunan Negeri.*

6. Tertakluk kepada seksyen 5, wang dalam Kumpulan Wang tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud, kecuali bagi maksud yang diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini. *Penggunaan wang Kumpulan Wang.*

7. (1) Lembaga boleh melaburkan wang yang ada di dalam tabung— *Pelaburan wang Kumpulan Wang.*

- (a) ~~sebagai simpanan deposit di mana-mana bank, di dalam atau di luar Malaysia; Subst. by En. 4/92 (w.e.f. 1.9.92)~~
- (b) dalam mana-mana daripada pelaburan-pelaburan yang dibenarkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 atau ~~Akta Pelaburan Pemegang Amanah 1965,~~ *Akta 208. Akta 36/65.*
- (c) dalam sekuriti-sekuriti mengikut terma-terma yang menguntungkan Kumpulan Wang; *Dej. En. 1/07*

- (d) dalam suratcara pasaran wang, termasuklah bil perbendaharaan, penerimaan jurubank dan perakuan deposit dalam apa-apa mata wang termasuk ringgit dengan tempoh-tempoh kematangan tidak melebihi satu tahun;
- (e) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma-terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia;
- (f) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma-terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada mana-mana pihak berkuasa atau perbadanan awam atau syarikat yang Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalamnya;
- (g) dalam pendahuluan-pendahuluan bagi maksud membantu pencarigalian dan pemajuan mineral-mineral dan penanaman, pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran utama kepada—
 - (i) mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di dalam Persekutuan; dan
 - (ii) mana-mana koperasi yang melibatkan diri dalam kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan;
- (h) dalam logam-logam berharga termasuk emas, perak, platinum dan paladium; dan
- (i) sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pelaburan yang disebut di dalam paragraf (e) subseksyen (1) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi sepuluh peratus aset boleh lupus Kumpulan Wang.

(3) Jumlah pelaburan yang disebut di dalam paragraf (f) dan (g) subseksyen (1) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi dua puluh lima peratus aset boleh lupus Kumpulan Wang.

8. Apa-apa kos, perbelanjaan atau lain-lain pembayaran yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pentadbiran Kumpulan Wang hendaklah dipertanggungkannya kepada Kumpulan Wang.

Perbelanjaan pentadbiran.

9. (1) Menteri Besar boleh, secara bertulis, memberi arahan kepada Lembaga apa-apa arahan bersifat am yang tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini yang ada hubungan dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Lembaga hendaklah melaksanakan segala arahan itu.

Arahan Menteri Besar.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri Besar apa-apa penyata, akaun dan lain-lain maklumat berkenaan dengan aset dan aktiviti Kumpulan Wang sebagaimana yang dikehendakinya dari semasa ke semasa.

10. Bagi maksud Enakmen ini, tahun kewangan Kumpulan Wang hendaklah bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember, pada setiap tahun.

Tahun kewangan.

11. (1) Selepas 31hb Disember tiap-tiap tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Julai dalam tahun kewangan berikutnya, Bendahari Negeri hendaklah dengan secepat mungkin menyedia dan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negeri untuk diaudit.

Akaun dan audit.

(2) Penyata kewangan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai penerimaan dan pembayaran dan mengenai pendapatan dan perbelanjaan serta lembaran imbalan Kumpulan Wang seperti pada 31hb Disember tahun kewangan itu.

(3) Penyata kewangan yang diperakukan oleh Ketua Audit Negara serta sebarang pemerhatian Ketua Audit Negara ke atasnya hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk dibentangkan dengan seberapa segera yang boleh dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

12. Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30hb April dalam setiap tahun, menyebabkan dibuat dan

Laporan tahunan.

dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri suatu laporan mengenai pelaburan Kumpulan Wang di sepanjang tahun kewangan yang terdahulu; dan laporan itu hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan polisi Lembaga.

Akaun
teraudit
dan laporan
tahunan
hendaklah
dibentangkan
dalam
Dewan
Undangan
Negeri.

Peruntukan-
peruntukan
Akta Prosedur
Kewangan
1957
hendaklah
terpakai.
Akta 61.

13. Menteri Besar hendaklah menyebabkan akaun teraudit tahunan di bawah seksyen 11 dan laporan tahunan di bawah seksyen 12 dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

14. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini, peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 dan mana-mana peraturan yang dibuat dan arahan-arahan yang dikeluarkan di bawahnya hendaklah terpakai bagi Kumpulan Wang.

Diluluskan pada 8hb April 1991.
[PWN. Sel. (S) 60/1; P.U. Sel. 1545/4;
DUN. Sel. 30287.]

HAJI ADZMI BIN ARIFFIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor